

FASAL KEEMPAT
PENUTUP

PASAL KEEMPAT : PENUTUP

kesimpulan dan Saranan

Setelah kajian dibuat secara menyeluruh pengkaji mendapati terdapat persamaan dan pertemuan di antara Peruntukan Kanun Prosedur Jenayah dan pandangan para Ulama Islam.

Hai ini bukan sahaja dari sesuatu aspek, tetapi dari banyak aspek. Terutama aspek aduan, penyiasatan, pabanan dan jaminan yang mana menjadi bidang kajian.

Dari aspek aduan misalnya, mengikut peruntukan Kanun Prosedur Jenayah orang ramai dikehendaki memberi maklumat kepada polis tentang kesalahan jenayah. Maklumat juga boleh diberikan kepada Penghulu. Begitu juga aduan boleh diberikan kepada mahkamah.

Ini bersesuaian dengan prinsip Islam yang menghendaki sesiapa yang mengetahui perbuatan mungkar supaya mengubahnya mengikut tahap kemampuan masing-masing.

Begitu juga dari aspek penyiasatan terhadap orang

yang tertuduh dan mereka yang tahu tentang kesalahan jenayan. Di mana untuk tujuan tersebut pegawai polis boleh menahan dan menjalankan soalsiasat ke atas mereka. seterusnya polis boleh menerima pengakuan bersalah yang dibuat oleh orang yang tertuduh dan diterima sebagai keterangan. Pun begitu jika pengakuan itu dibuat tidak dengan sukarela, ianya tidak diterima.

Hal ini juga telah diketengahkan di dalam penulisan para fuqahā. Yang mana membenarkan seseorang qādi menahan orang yang tertuduh untuk dijalankan soalsiasat ke atasnya. Qādi juga menerima pengakuan bersalah yang dibuat di hadapannya. Untuk menerima pengakuan tersebut sebagai keterangan disyaratkan ianya dibuat tanpa paksaan.

Manakala di dalam aspek tahanan dan jaminan terhadap orang yang tertuduh, pengkaji juga mendapati terdapat persamaan dan pertemuan antara peruntukan Kanun Prosedur Jenayan dan pandangan fuqahā Islam. Di mana tahanan dan jaminan terhadap orang yang dituduh dibolehkan oleh kedua-duanya. Malah Rasulullah s.a.w. pernah menahan orang yang tertuduh dengan suatu tohmahan. Tinggal lagi bentuk tahanan oleh Rasulullah s.a.w. adalah berbeza. Ini kerana tahanan tersebut

bukan dengan menempatkan orang yang tertuduh di dalam empat yang sempit. Tetapi dengan menegahnya melakukan pusingan dengan sendiri dan diawasi oleh seorang pengawal dari pihak pendakwa. Ia nampaknya lebih mirip kepada bentuk jaminan.

Hal yang sama juga boleh di dapati di dalam perkara-perkara lain yang telah diterangkan secara panjang lebar di dalam fasal-fasal terdahulu.

Satu hal yang pasti ialah "kedahuluan" para fuqahā Islam mengemukakan sistem pentadbiran keadilan jenayah. Ini adalah benar kerana penulisan para fuqahā Islam mengenainya telah pun bermula sejak tahun ketiga hijrah atau abad kesembilan masihi. Manakala Kanun Prosedur Jenayah hanya mula ditulis pada abad 18 Masini di India. Bercalaan boleh timbul kenapa penulisan tersebut dibuat di India, tidak di England misalnya?

Oleh itu kemungkinan berlaku peniruan adalah besar semandangkan keadaan di India pada masa itu telah pun dipengaruhi oleh cendekiawan Islam. Jika ini benar ia juga bererti kejayaan pemikir undang-undang positif adalah "pengulangan" kepada kejayaan yang telah ditempa oleh para fuqahā Islam sebelumnya.

Oleh itu pengkaji merasakan para cendekiawan Islam yang dapat memahami dengan baik undang-undang positif dan juga undang-undang Islam mempunyai peranan yang penting untuk mengemukakan kehendak sebenar pentadbiran keadilan jenayah Islam.

Begitu juga kepada para pelajar yang bakal membuat kajian disarankan supaya memilih undang-undang prosedur atau acara sebagai tajuk kajian mereka. Ini kerana buat masa ini pengkaji merasakan betapa tiadanya kajian seperti ini dibuat terutamanya oleh pelajar-pelajar fakulti Syariah. Mereka tidak sepatutnya takut untuk menghadapinya kerana penulisan para fuqahā Islam lebih dari mencukupi. Semoga cita-cita dan hasrat untuk mengemukakan undang-undang Islam tidak mengecualikan undang-undang acara jenayah.

WASSALAM.